



NC

## JADUAL KEDUA

### AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

#### KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM) (TERENGGANU) 2012

#### DOKUMEN DAN PELAN YANG HENDAKLAH DISERTAKAN DENGAN PERMOHONAN UNTUK KEBENARAN MERANCANG *[Subkaedah 3(2)]*

1. 10 salinan tiap-tiap satu, dan apa-apa salinan tambahan yang dikehendaki oleh pihak berkuasa perancang tempatan, akan pelan tapak atau pelan susun atur yang ditandatangani oleh pemohon, pemunya tanah berdaftar dan orang yang menyediakan pelan itu.

Pelan mestilah:

- a) dilukis mengikut skala yang sesuai beza antara 1:100 hingga 1:1500 atau yang setara dengannya, termasuk suatu pelan punca yang dilukis mengikut skala tidak melebihi 1:50,000 meliputi kawasan dalam jarak lingkungan 5 km dari pemajuan yang dicadangkan itu; dan ditunjukkan semua penanda batu jarak lingkungan itu;
- b) menunjukkan tapak sebenar di mana bangunan yang dicadangkan itu akan didirikan atau, mengenai bangunan yang sedia ada, tapak sebenar di mana bangunan itu berdiri;
- c) menunjukkan nombor lot dan kawasan tanah;
- d) menunjukkan dengan jelas dengan warna-warna yang sesuai mengikut pelbagai penggunaan tanah itu;
- e) menunjukkan kedudukan, hujung, persilangan, dan lebar semua jalan baru yang dicadangkan hendak direzabkan, disusun atur atau dibina di atas tanah itu;
- f) menunjukkan saliran bawah tanah yang dicadangkan, termasuk salur keluar saliran ke loji rawatan kumbahan yang disediakan;
- g) menunjukkan jalan akses yang sah dari tapak ke jalan raya;
- h) menunjukkan jenis-jenis kegunaan dan struktur binaan di tanah berjiran kepada tanah yang hendak dibangunkan, yang mana tanah berjiran tersebut akan memberi kesan atau menerima kesan daripada pemajuan yang hendak dijalankan di atas tanah tersebut;
- i) menunjukkan garisan bangunan dan anjakan belakang dari simpanan jalan;
- j) menunjukkan pengekalan seni taman ke atas pemajuan yang dicadangkan;
- k) menunjukkan Garisan Kontur mengikut jeda di antara 1 hingga 5 meter;
- l) menunjukkan tanda utara dan skala;

- |  |                          |
|--|--------------------------|
| m) susunan tempat letak kenderaan;   | <input type="checkbox"/> |
| n) menyediakan ruang syarat teknikal dan ruang syarat kelulusan pihak berkuasa perancang tempatan di atas pelan; | <input type="checkbox"/> |
| o) menunjukkan jenis permohonan;   | <input type="checkbox"/> |
| p) menunjukkan skala pemajuan;   | <input type="checkbox"/> |
| q) menunjukkan kepadatan, nisbah plot dan kos (jika berkenaan).  | <input type="checkbox"/> |
- 
- |   |                          |
|---|--------------------------|
| 2. Laporan Cadangan Pemajuan jika diperlukan oleh pihak berkuasa perancang tempatan   | <input type="checkbox"/> |
| 3. Carian rasmi/salinan sah hak milik tanah.  | <input type="checkbox"/> |
| 4. Dokumen yang sah untuk menjamin adanya akses yang sah dari tapak ke jalan raya.  | <input type="checkbox"/> |
| 5. 10 salinan tiap-tiap satu, dan apa-apa salinan tambahan yang dikehendaki oleh pihak berkuasa perancang tempatan, akan lakaran pelan bangunan yang dicadangkan atau tambahan-tambahan yang dicadangkan atau perubahan-perubahan kepada bangunan yang sedia ada, yang menunjukkan aras, bahagian dan kegunaan-kegunaan yang dicadangkan bagi tiap-tiap tingkat dan ukuran masing-masing. | <input type="checkbox"/> |
| 6. Suatu contoh atau ilustrasi mengikut perspektif pemajuan yang dicadangkan jika dikehendaki oleh pihak berkuasa perancang tempatan.   | <input type="checkbox"/> |
| 7. Dokumen-dokumen sokongan seperti penilaian kesan sosial, penilaian kesan ke atas lalu lintas, laporan penilaian kesan alam sekitar, laporan geoteknikal dan geologi yang disediakan dan disahkan oleh professional bertauliah dalam bidang berkaitan, jika dikehendaki oleh pihak berkuasa perancang tempatan  | <input type="checkbox"/> |

**Nota:**

✓ **Sila tandakan diruangan yang berkenaan**